

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.3 (24)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2014-2015)
BILANGAN 12 TAHUN 2015**

Tarikh : 23 Disember 2015 (Rabu)
Masa : 10.30 Pagi – 12.45 Tengahari
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid, Penolong Pengarah, Bahagian Sumber Manusia, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam dan Korporat mengambil masa selama 20 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan November dan Disember 2015.

3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

3.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Datuk Bandar, Ahli-ahli Majlis, Pengarah-pengarah di atas komitmen melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah di amanahkan. Beliau sangat berharap agar kerjasama di antara kita berpanjangan dan sentiasa dipertingkatkan dalam semangat profesionalisme yang tinggi. Keutamaan Majlis adalah berusaha bersungguh-sungguh dan komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada pelanggan-pelanggan Majlis dan memenuhi ekspektasi masyarakat di Petaling Jaya.



Beliau menekankan aspek bersatu dan bekerjasama di antara satu sama lain merupakan kekuatan sesebuah organisasi. Oleh itu, beliau mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Majlis yang telah berkhidmat sepanjang tahun 2015. Beliau berharap agar semua Ahli Majlis dipilih semula untuk sama-sama melaksanakan program yang dirancang bagi tahun 2016. Walaupun Ahli Majlis belum dilantik namun operasi dan urusan Majlis akan tetap berjalan seperti biasa. Beliau berharap agar senarai nama dapat diterima dengan segera bagi membolehkan Mesyuarat Jawatankuasa Majlis berjalan seperti biasa.

3.2 PETALING JAYA BANDARAYA BERDAYAHUNI

Petaling Jaya sekarang sedang melalui satu proses reurbanisasi atau 'reurbanization' yang tidak dapat dielakkan. Reurbanisasi di Petaling Jaya adalah seperti Rancangan Kawasan Khas (RKK) Seksyen 13, di mana tanah-tanah lot industri digalakkan tukar syarat nyata tanah ke jenis komersial. RKK ini bertujuan untuk memastikan persekitaran bandar dapat dipertingkatkan, infrastruktur dapat ditambahbaik, memperbaiki pengurusan lalulintas dan mengadakan pembangunan mampan. Satu lagi contoh adalah Pusat Bandar Seksyen 52 iaitu projek pembangunan PJ Sentral dengan penekanan terhadap elemen-elemen penghijauan bangunan seperti SPAH, pengurusan bangunan lestari dan lain-lain.

Pembangunan pesat ini berlaku kepada semua bandaraya yang semakin membangun - malahan pelbagai cabaran serta halangan terpaksa diharungi untuk menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar yang progresif, maju dan berdayahuni. Majlis akan cuba memperbaiki segala aduan dan kelemahan di dalam pelaksanaan ke arah 'reurbanization'.

Majlis tidak dapat mengelak sebarang pembangunan di Petaling Jaya. Projek pembentungan contohnya adalah projek persekutuan di bawah Jabatan Perkhidmatan Pembentungan yang berlaku seiring dengan projek 'one way loop' oleh pihak Majlis. Projek JPP dan IWK ini adalah untuk menaiktaraf sistem pembentungan dan sepatutnya siap pada 31 Disember 2015 akan tetapi berikutan masalah berkaitan pelaksanaan ianya dilanjutkan sehingga April 2016. Memandangkan projek ini berlaku di kawasan berhampiran kediaman yang kepadatan penduduknya adalah tinggi dan telah mengambil masa yang panjang maka ia menimbulkan rungutan penduduk. Setakat ini Majlis hanya boleh mengambil tindakan untuk 'stop work order' sekiranya mereka melanggar syarat yang ditetapkan.



Selain itu, masalah jalan berlubang (pothole) turut mengundang aduan dari penduduk. Untuk mengatasi masalah ini Majlis akan melantik panel kontraktor sebagai tambahan kepada road gang bagi tujuan membaiki kerosakan jalan dengan segera. Kerjasama daripada Ahli Majlis juga diperlukan bagi memantau kawasan zon masing-masing dan melaporkan segala kerosakan. Semoga dengan kerjasama ini akan mengurangkan masalah aduan di kalangan rakyat.

Bagi mencapai wawasan Bandar berdayahuni, Bandaraya Petaling Jaya perlu menerapkan ciri-ciri seperti sosial ekonomi yang mantap, fizikal yang pesat membangun, persekitaran nyaman yang hijau, menarik serta selamat. Adalah menjadi wawasan MBPJ untuk mewujudkan sebuah bandaraya mampan dan berdayahuni dengan imej urustadbir baik serta persekitaran harmoni dan sejahtera.

MBPJ bersama-sama beberapa agensi seperti the Carbon Trust UK, bergading bahu dan telahpun menetapkan satu matlamat dalam bentuk Pelan Tindakan Pengurusan Tenaga Lestari di mana strategi pelan tindakan adalah dengan mengurangkan “carbon footprint” sebanyak 25% atau pengurangan sebanyak 2,796 tan karbon dioksida, dalam tempoh 5 tahun yang akan datang.

MBPJ juga memberi fokus terhadap perkara asas yang penting seperti pengurusan tenaga yang lestari dalam bangunan-bangunan baru dan bangunan sedia ada, mempraktikkan “green building” seperti pengumpulan dan mengguna semula air hujan melalui sistem spah, mengguna lampu jenis penjimatan tenaga seperti jenis *L.E.D.* ataupun penjimatan penggunaan elektrik dengan menutupkan lampu semasa waktu rehat di pejabat. Langkah ini dapat membantu dalam pengurangan karbon bandar kita. Ini bermakna pengeluaran “greenhouse gas” juga akan berkurangan.

3.3 BANGUNAN CERIA DI PETALING JAYA

Bagi menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya mampan dan berdayahuni menjelang 2030, Majlis telah mewujudkan program Bangunan Ceria dalam meningkatkan kualiti persekitaran bandar. Program yang diadakan sejak tahun 2007 ini juga menjadi salah satu ciri bandar raya Petaling Jaya ke arah *Livable City*.

Pada edisi tahun ini, Majlis menumpukan kepada bangunan institusi pengajian tinggi untuk penyertaan Anugerah Bangunan Ceria. Pemilihan ini adalah berdasarkan kepada komitmen institusi di Petaling Jaya dalam menceriaikan bangunan dalam persekitaran alam bina di Petaling Jaya.



Majlis juga telah memperuntukkan sebanyak RM105,000.00 untuk program bangunan ceria ini. Peruntukan ini dilihat dapat memberi manfaat kepada warga Petaling Jaya dan meningkatkan kesedaran mereka mengenai inisiatif yang dilaksanakan dalam memakmurkan dan menceriakan lagi persekitaran dan pemandangan bangunan di sekitar Petaling Jaya.

Dalam melestarikan persekitaran di Petaling Jaya, masyarakat Petaling Jaya sewajarnya mengambil berat dan peka dengan keadaan di sekeliling. Ini secara tidak langsung membantu Majlis dalam menyalurkan maklumat seterusnya menjaga keceriaan persekitaran di bawah pentadbiran Majlis.

3.4 **KEMPEN BAYAR KOMPAUN**

Majlis memberi peluang terakhir kepada orang ramai yang mempunyai kompaun yang tertunggak untuk menyelesaikannya sebelum penerima kompaun ianya akan dikenakan tindakan disenarai hitam dan tidak dapat memperbaharui cukai jalan.

Kempen yang bermula pada 1 Disember 2015 hingga 29 Februari 2016 ini akan memberi pengurangan kompaun sebanyak 80 peratus bagi notis yang dikeluarkan pada tahun 1999 sehingga tahun 2012. Manakala bagi kesalahan tahun 2013 dan 2014 pula diberikan pengurangan sebanyak 20 hingga 40 peratus.

Bagi pesalah tegar yang masih lagi berdegil untuk menyelesaikannya, tindakan mahkamah akan dikenakan terhadap mereka.

Kesalahan lalu lintas merekodkan bilangan kompaun tertinggi dengan sejumlah 236,115 notis dan diikuti kesalahan halangan meletak kenderaan sebanyak 165,695 notis.

Kompaun berbayar bagi tempoh dari 1 Disember hingga 21 Disember 2015 adalah sebanyak 21,164.

Bagi memudahkan orang ramai membuat semakan kompaun dikenakan, boleh layari capaian internet atas talian www.mbpj.gov.my melalui kad pengenalan atau nombor pendaftaran kenderaan. Semua urusan pembayaran pula sama seperti medium sedia ada di kaunter-kaunter bayaran kompaun Majlis. Orang ramai dinasihatkan agar menjelaskan notis tertunggak bagi mengelakkan tindakan disenarai hitamkan serta merta memandangkan Majlis akan bekerjasama dengan JPJ bagi tindakan di atas.



3.5 PENSIJILAN ISO/IEC 27001:2013 ISMS

MBPJ telah memperolehi pensijilan ISO/IEC 27001:2013 dari SIRIM QAS pada 22 Oktober 2015 yang lalu atas kejayaan dalam melaksanakan Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi skop sistem pengurusan keselamatan bagi maklumat elektronik cukai taksiran. Tempoh pensijilan ini ialah pada 22 Oktober 2015 sehingga 2018.

Selain dari itu, satu lagi inovasi ICT buat julung kalinya telah dibangunkan oleh pasukan Quality Research Development (QRD) ialah sistem epayslip. Sistem ini dihasilkan oleh pasukan di bawah seksyen QRD secara 'inhouse' iaitu menggunakan kepakaran dalaman bagi membantu mempercepatkan dan melicinkan lagi proses kerja Jabatan Perbendaharaan dan membolehkan kakitangan mengakses maklumat slip gaji melalui kemudahan internet. Tahniah dan syabas kepada Unit Teknologi Maklumat. Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan Teknologi Maklumat, pertambahan kakitangan diperlukan untuk menaiktaraf sistem. Diharap agar Unit Teknologi Maklumat dapat mensasarkan sistem yang perlu ada di setiap jabatan.

Pelaksanaan sistem ini turut menyumbang ke arah 'paperless' yang mana kertas tidak lagi digunakan dan selepas ini semua pegawai dan kakitangan Majlis hanya perlu memperolehi penyata gaji melalui sistem dan aplikasi mobile. Inovasi ini akan dilaksanakan pada tahun 2016.

3.6 PENINGKATAN WABAK DENGGI

Jumlah kes denggi di kawasan Petaling Jaya yang dilaporkan setakat 21/12/15 adalah sebanyak 7,593 dan mencatatkan 11 lokaliti hotspot denggi. Kes kematian denggi masih lagi 15 kes. Kawasan DUN Bukit Lanjan menyumbang 24% atau 1,820 kes daripada jumlah kes Majlis dan diikuti oleh DUN Kota Damansara, 15% atau 1,144 kes. Trend kes denggi menunjukkan menurun menjelang akhir tahun ini. Kes pada tahun 2015 akan dijangkakan kurang daripada kes tahun 2014 (8,478 kes) dalam anggaran 7%.

Langkah-langkah seperti pemeriksaan jentik-jentik dari rumah ke rumah, larvasiding dan semburan fogging giat dijalankan oleh kakitangan Unit Kawalan Vektor. Aktiviti ini dilihat dapat mengurangkan pembiakan. Penduduk perlu bekerjasama untuk memeriksa jentik-jentik di kediaman masing-masing dan berharap agar isu denggi ini tidak menjadi isu yang besar di Petaling Jaya.



Justeru itu, seluruh masyarakat Petaling Jaya adalah disaran supaya tidak membuang sampah merata-rata dan sentiasa mengambil serius isu pembersihan di persekitaran komuniti masing-masing dan tempat-tempat awam. Ini adalah kerana ia boleh menyebabkan berlakunya pembiakan jentik-jentik aedes. Selain dari itu juga, dinasihatkan agar mengambil langkah-langkah seperti menggunakan ubat penghalau nyamuk semasa menjalankan aktiviti luar pada waktu subuh dan senja.

Masyarakat Petaling Jaya juga boleh melayari pautan info denggi di laman rasmi Majlis untuk mendapatkan maklumat lokasi kawasan wabak dan aktiviti kawalan denggi oleh Unit Kawalan Vektor.

3.7 OPERASI PUSAT MENCUCI DAN MENGIKAT KENDERAAN

Majlis telah menjalankan operasi dan tindakan penguatkuasaan ke atas premis mencuci dan mengikat kenderaan (car wash) yang beroperasi tanpa lesen di sekitar kawasan Petaling Jaya. Operasi bersepadu dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah dilaksanakan pada 9 Disember 2015 yang lalu.

Dalam operasi ini sebanyak 6 tindakan sitaan telah dibuat ke atas pemilik premis dibawah 38(1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian (MBPJ) 2007. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 57 kompaun telah dikeluarkan, 121 tindakan sitaan premis telah dibuat dan 4 kali operasi bersepadu telah dilaksanakan bersama agensi terlibat.

Operasi ini bertujuan untuk mengatasi masalah premis yang menjalankan perniagaan tanpa lesen dan sambungan air secara haram yang melibatkan pengusaha "carwash".

3.8 OPERASI PUSAT HIBURAN DAN RUMAH URUT

Majlis telah menjalankan operasi dan tindakan penguatkuasaan ke pusat hiburan dan rumah urut yang beroperasi tanpa lesen dan melanggar syarat lesen di kawasan Petaling Jaya.

Operasi bersepadu ini mendapat kerjasama pihak Imigresen. Hasil operasi, 14 tangkapan dibuat dan 1 sitaan premis rumah urut di bawah Undang-undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (MBPJ) 2013.

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 151 kompaun dikeluarkan dan 28 sitaan premis telah dilaksanakan melibatkan 37 tangkapan ke atas pusat hiburan di kawasan Petaling Jaya. Manakala sebanyak 89 kompaun dan 51 tindakan sitaan premis rumah urut telah dilaksanakan



melibatkan 33 tangkapan. Operasi ini bertujuan untuk mengatasi masalah pusat hiburan dan rumah urut yang beroperasi tanpa lesen dan melanggar syarat lesen.

3.9 PENUTUP

Pada 12 Rabiul Awal setiap tahun, kita menyambut sambutan Maulidur Rasul. Pada tahun ini, tarikh tersebut jatuh pada 24 Disember. Dan diselangi pula dengan sambutan Hari Krismas pada keesokkannya.

Mengambil ibrah di atas perjalanan sirah Baginda SAW, dapatlah kita hayati bahawa di antara penekanan yang dibawa oleh junjungan Baginda SAW adalah sikap saling hormat menghormati dan berlaku ehsan sesama manusia. Semoga penekanan yang dibawa oleh Baginda ini dapatlah kita semat di dalam sanubari kita.

Beliau juga mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada mereka yang menyambutnya. Di harap dalam kehidupan masyarakat majmuk di negara kita, sikap hormat menghormati sesama kita dan sikap bertoleransi di antara kita hendaklah subur di antara kita.

Ini merupakan mesyuarat terakhir bagi tahun 2015 dan selagi pelantikan Ahli Majlis belum diterima daripada Kerajaan Negeri maka Mesyuarat Jawatankuasa tidak akan bersidang. Sekali lagi beliau mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis yang hadir atau tidak hadir. Pada pandangan beliau segala keputusan yang telah dibuat hendaklah dilaksanakan. Kita tidak perlu mempertikaikan segala apa yang telah diputuskan memandangkan keputusan di buat di dalam Mesyuarat Jawatankuasa yang dianggotai oleh Ahli Majlis. Sekali lagi beliau menekankan semangat kerjasama yang erat adalah elemen terpenting dalam menentukan hala tuju Majlis pada masa akan datang.

Beliau sekali lagi mengucapkan Selamat menyambut Maulidur Rasul, Hari Krismas dan Selamat Tahun Baru 2016. Semoga tahun baru akan datang kita akan terus gigih menjalankan tugas dengan komited, bekerja dalam pasukan, professional, setia dan sentiasa mengutamakan pelanggan kita.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-

4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 11 TAHUN 2015 (SESI 2014/2015)

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 11 Tahun 2015 bertarikh 30 November 2015 telah diluluskan tanpa pindaan.



5.0 **LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 11 TAHUN 2015 YANG TELAH DIADAKAN PADA 30 NOVEMBER 2015.**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
3.0	<p>LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 11 TAHUN 2015</p> <p>Perkara 7.3.6 Berkaitan 'PJ City Bus'. Beliau berharap agar perkhidmatan 'PJ City Bus' dipanjangkan ke kawasan beliau iaitu di PJS 5 – PJS 10 agar penduduk di kawasan beliau dapat menikmati perkhidmatan yang diberi.</p>	<p>Perkara ini telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas bertarikh 15 Disember 2015. Mesyuarat tersebut telah memutuskan untuk menggunakan Bas Komuniti PJS sebagai 'bus shuttle' dari Klinik 1 Malaysia ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) mengikut masa-masa tertentu yang akan diuruskan oleh Bahagian Pengangkutan, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.</p>

6. **MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS**

6.1 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 7 DISEMBER.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (29)]**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.



**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA BANTAHAN NILAIAN HARTA BERTARIKH 7 DISEMBER 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/8 (39)]**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 30 NOVEMBER 2015, 9 DISEMBER 2015, 10 DISEMBER 2015 DAN 18 DISEMBER 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (151)
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (153)
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (155)
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (157)]**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 9 DISEMBER 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (84)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 7.7 di mukasurat 11 iaitu

Encik Shatiri bin Mansor juga meminta jadual pembangunan landskap bagi menaiktaraf kawasan Seksyen 7 dihantar kepada beliau.

DIPINDA

6.4.1 Encik Shatiri bin Mansor juga meminta jadual pembangunan landskap di sepanjang Jalan Nuri 7, Seksyen 7 Kota Damansara bagi menaiktaraf kawasan Seksyen 7 terutama 16 tapak gerai tanpa lesen yang telah dirobuhkan baru-baru ini dihantar kepada beliau. Selain daripada itu jadual pembersihan Awam/Pukal/Kebun/Haram di Pusat Perniagaan 'The Core Sunsuria' turut dihantar kepada beliau.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.



**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 15 DISEMBER 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (44)]**

6.5.2 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 7.4 ii) ✓ di muka surat 14 iaitu Jalan Teknologi, Kota Damansara (Depan Hospital TMC).

DIPINDA

Jalan Teknologi 3, Kota Damansara (Depan Hospital TMC).

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 16 DISEMBER 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 (142)]**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Unit Audit, MBPJ.

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 16 DISEMBER 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (137)]**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 16 DISEMBER 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (66)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:-

Mukasurat 3 perkara 3.0 (7.8) PTL Di Jalan Nuri, Seksyen 7, Kota Damansara



DIPINDA

PTL Di Jalan Nuri 7, Seksyen 7, Kota Damansara.

Mukasurat 18 perkara 7.2 ii)

Beliau mohon dibuat rancangan jangka pendek atau jangka panjang untuk penjaja tanpa lesen di sekitar Jalan Cecawi 6/19.

Mesyuarat bersetuju dan memutuskan Jabatan Perancangan Pembangunan membuat pelan rancangan jangka pendek atau jangka panjang untuk PTL tersebut.

DIPINDA

Beliau mohon dibuat rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk penjaja tanpa lesen di sekitar Jalan Cecawi 6/19.

Mesyuarat bersetuju dan memutuskan Jabatan Perancangan Pembangunan membuat pelan rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk PTL tersebut terutama bagi penjaja yang terlibat dengan pelebaran jalan di Persiaran Surian.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ

6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 17 DISEMBER 2015. [RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (49)]

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

6.10 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 18 DISEMBER 2015. [RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (59)]

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.



7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK HALIMEY BIN ABU BAKAR

7.1.1 Kawasan pinggiran Bandar di PJS

Beliau berharap agar Majlis tidak meminggirkan pembangunan di kawasan pinggiran Bandar di PJS memandangkan purata pendapatan penduduk kawasan tersebut adalah sederhana dan miskin dan kepadatan penduduk adalah terlalu ramai. Majlis boleh membantu penduduk di kawasan tersebut dengan memudahkan urusan lesen perniagaan sementara. Kesukaran mendapatkan lesen perniagaan sementara mengakibatkan penduduk berniaga di tepi-tepi jalan tanpa lesen bagi menampung taraf kehidupan masing-masing.

7.1.2 Kemudahan Pengangkutan Awam

Beliau berharap agar Unit Pengangkutan Bandar yang diambil alih oleh Jabatan Perancangan Pembangunan dapat merancang kemudahan pengangkutan awam di PJS memandangkan ia merupakan kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan taraf kehidupan yang rendah.

7.1.3 Birokrasi

Beliau berharap agar birokrasi terutama permohonan lesen dan lain-lain permohonan dipermudahkan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

7.1.4 Penyelenggaraan aset-aset Majlis

Beliau berharap agar Majlis menjaga dan menyelenggara aset-aset majlis seperti rumah PPRT dan gerai-gerai Majlis. Kemudahan yang rosak dan daif hendaklah diselenggara bagi meningkatkan imej majlis terutama PPRT Lembah Subang dan gerai-gerai dan kedai-kedai Majlis seperti contoh di PJS 6A.

7.1.5 Isu Tanah Di Pejabat Tanah Petaling

Berkaitan tanah-tanah terbiar di Petaling Jaya, beliau berharap agar majlis mempertingkatkan usaha agar ada jalan penyelesaian dengan Pejabat Tanah Petaling memandangkan kes ini terlalu lama untuk diselesaikan.



7.1.6 Pembangunan Di Petaling Jaya

Di Petaling Jaya banyak pembangunan sedang berkembang walaupun tidak standing Shah Alam. Beliau berharap agar kajian semua aspek hendaklah dibuat sebelum sesuatu pembangunan diberi kelulusan. Pendengaran awam juga amat penting bagi tujuan pemakluman awal kepada penduduk.

7.1.7 Kebajikan Warga kerja MBPJ

Beliau amat berbangga kerana MBPJ dapat mengadakan Hari Keluarga Perdana setelah tujuh (7) tahun aktiviti sihat ini tidak dapat dianjurkan. Tahniah kepada MBPJ kerana dapat berkumpul bersama keluarga dan berharap agar sambutan ini diadakan setiap tahun.

Selain daripada itu, isu Kwarters kakitangan MBPJ yang tidak diselenggara dengan baik telah dapat ditangani di mana terdapat pembaharuan dan penyelenggaraan yang telah dirancang demi penyelesaian kakitangan MBPJ.

7.1.8 Ucapan Penghargaan

Akhirnya beliau mengucapkan penghargaan kepada Y.Bhg. Datuk Bandar dan warga kerja MBPJ yang memberikan kerjasama dalam menyelesaikan masalah penduduk. Beliau turut memaklumkan bahawa Datuk Bandar sekarang adalah antara yang terbaik dan sentiasa berkomunikasi dan menekankan konsep kerjasama demi kesejahteraan Petaling Jaya.

Beliau turut berharap agar kerjasama di antara beliau dan wargakerja MBPJ tetap terjalin walaupun beliau tidak menjadi Ahli Majlis di masa akan datang.

Beliau sekali lagi memohon maaf dengan warga kerja MBPJ dan Ahli Majlis terhadap salah silap yang beliau lakukan. Menurut beliau walaupun ada perbezaan dari segi pandangan namun ia hanya untuk tugas sahaja. Tidak lupa ucapan Selamat Menyambut Maulidur Rasul dan Hari Krismas kepada mereka yang meraikannya dan Selamat Tahun Baru 2016.

**Tindakan : Makluman,
Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.**



7.2 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN SIA SIEW CHIN

7.2.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada Y.Bhg. Datuk Bandar, Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan semua warga kerja MBPJ kerana banyak membantu beliau dalam melaksanakan tugas sebagai Ahli Majlis MBPJ.

7.2.2 Bandaraya Petaling Jaya Bebas Halangan

Sebagaimana yang kita tahu wawasan MBPJ ialah PJ Sustainable 2030 Bandar Raya Mampan dan Berdaya huni dengan imej dan urus tadbir baik serta persekitaran harmoni dan sejahtera. Beberapa rekabentuk Bandar telah diambil untuk mewujudkan sebuah Bandar yang selamat dihuni. Namun begitu Petaling Jaya masih belum mencapai Bandar bebas halangan sepenuhnya bahkan di Seksyen 52 masih terdapat halangan yang membolehkan orang OKU dan warga emas masih memerlukan pertolongan untuk bergerak bebas menyelesaikan pelbagai urusan. Sebagai contohnya pentas mini yang dibina tahun lepas adalah tidak mesra OKU dan warga emas dan masih belum diperbaiki lagi sehingga kini. Oleh yang demikian, beliau berharap agar majlis dapat mempertingkatkan usaha ke aras MBPJ bebas halangan pada masa akan datang.

Beliau turut membangkitkan isu pengubahsuaian ke atas bangunan lama agar bebas halangan dalam tempoh 3 tahun selepas Akta bangunan dikuatkuasa pada tahun 1991. Selain daripada itu beliau memaklumkan bahawa peniaga-peniaga yang akan memulakan operasi perniagaan akan membuat pengubahsuaian ke atas premis mereka. Oleh yang demikian Majlis hendaklah mensyaratkan agar semua peniaga yang akan membuat pengubahsuaian premis mereka sama ada di bangunan baru atau lama mematuhi akta ini. Dengan adanya syarat-syarat ini akan menjadikan Petaling Jaya bandaraya mampan dan berdaya huni.

Untuk menjadi contoh kepada orang awam, Majlis boleh memulakan pengubahsuaian bangunan majlis menjadi Bandar bebas halangan dengan mensasarkan setahun lima (5) bangunan untuk diubahsuai.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ, Makluman.



7.3 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK TANG FUIE KOH

7.3.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar, Pengarah serta warga kerja MBPJ.

Tidak lupa ucapan terima kasih kepada Pengarah Audit Dalam dan Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Audit dan Pengurusan Korporat. Menurut beliau sepanjang tahun 2015 terlalu banyak laporan audit berkaitan kes-kes perkhidmatan seperti jalan sehala, landskap, kontrak pembersihan dan taman permainan. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar semua warga kerja MBPJ memberikan kerjasama sepenuhnya dalam penyediaan laporan demi memperkasa tadbir urus yang baik agar lebih terlus pada masa akan datang.

**Tindakan : Makluman,
Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.**

7.4 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD

7.4.1 Beliau memaklumkan bahawa ini merupakan tahun keempat (4) beliau memegang amanah sebagai Ahli Majlis dan akan tamat pada 31 Disember 2015. Walaubagaimana pun beliau menyatakan apa yang telah dirancang oleh Majlis akan dilaksanakan mengikut perancangan. Amanah yang dipertanggungjawabkan hendaklah dipikul bersama dan jangan biarkan keputusan kita dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

7.4.2 Penyediaan Bajet Tahunan

Beliau berharap agar Majlis dapat menyemak semula peruntukan bajet tahunan yang disediakan memandangkan Peruntukan Bajet yang disediakan adalah deficit bajet. Akan tetapi akhirnya laporan prestasi bajet pada penghujung tahun menunjukkan terdapat lebih pendapatan. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar Majlis mengkaji semula peruntukan bajet yang disediakan setiap tahun bagi mengembalikan kepercayaan orang awam memandangkan orang awam menilai apa yang dibuat oleh Majlis.

Harapan beliau agar MBPJ melihat dan mengatasi masalah di mana silapnya `performance bajet' Majlis. Beliau berharap agar aktiviti yang dirancang dan telah berjalan termasuk infrastruktur dan peniagaan disemak dan diperbetulkan sama ada dari segi syarat-syarat dan kelulusan. Harapan beliau dengan adanya semakan dan pembetulan akan ada satu `icon' mercu Petaling



Jaya pada masa akan datang dan akan menjadi tarikan kepada pelancong.

Beliau turut berharap hasil cukai majlis akan bertambah daripada hasil pembangunan.

7.4.3 Pembangunan Petaling Jaya

Beliau memaklumkan bahawa pembangunan di kawasan Petaling Jaya adalah terhad. Sehubungan dengan itu beliau mencadangkan agar Majlis membuat pembangunan semula dan melibatkan masyarakat. Penglibatan masyarakat adalah penting agar mereka tahu apa yang sedang dan akan dibuat oleh Majlis sebagai contohnya projek Petaling Jaya sebagai Kota Seni.

7.4.4 Sistem Tempat Meletak Kenderaan

Beliau berharap agar Majlis melihat semula sistem bayaran tempat meletak kenderaan secara berkupon sebagaimana PBT lain memandangkan mesin sedia ada sering dirosakkan oleh orang awam.

7.4.5 Tanggungjawab/Amanah

Sebagai warga kerja MBPJ kita telah diamanahkan atau dipertanggungjawabkan oleh orang awam untuk memberikan perkhidmatan terbaik. Kerjasama sepenuhnya antara satu sama lain adalah penting. Harapan beliau agar Majlis bertambah maju dalam merealisasikan pembangunan lestasi pada tahun 2016.

**Tindakan : Makluman,
Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.**

7.5 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN WONG YUET LENG

7.5.1 Beliau mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan sepanjang beliau berkhidmat sebagai Ahli Majlis MBPJ terutama kepada Jabatan Kesihatan, Kejuruteraan, Pelesenan. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada YBhg. Datuk Bandar dan Timbalan Datuk Bandar yang banyak memberi sokongan kepada beliau.

**Tindakan : Makluman,
Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.**



7.6 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK MAHHARUL BIN ISMAIL

- 7.6.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datuk Bandar di atas keperihatinan beliau dalam menangani masalah penyelenggaraan Kuarters kakitangan MBPJ. Harapan beliau dengan keadaan Kuarters yang bertambah baik akan dapat meningkatkan lagi mutu kerja dan prestasi kerja kakitangan Majlis.
- 7.6.2 Selain daripada itu beliau mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perancangan Pembangunan dan Unit Teknologi Maklumat di atas kejayaan program-program yang disertai di mana kejayaan itu dapat meningkatkan imej majlis di kalangan penduduk Petaling Jaya.
- 7.6.3 Tudak lupa ucapan terima kasih kepada Ahli Majlis yang sama-sama bekerjasama dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kepada penduduk.
- 7.6.4 Beliau turut mengucapkan Selamat Menyambut Maulidur Rasul dan Hari Krismas kepada mereka yang meraikannya.
- 7.6.5 Ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah mengemukakan bayaran cukai taksiran bagi rumah kos rendah. Walaupun perkara ini akan mengurangkan hasil Majlis, namun ia memberi kebajikan kepada penduduk Petaling Jaya terutama golongan miskin bandar.
- 7.6.6 Beliau menegur sesetengah Ahli Majlis yang membuat kenyataan akhbar tanpa merujuk kepada Perintah Tetap (Mesyuarat) (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007 bagi perkara Kenyataan Akhbar iaitu:-
39. Untuk mengelakkan duplikasi dan kekeliruan yang mungkin berlaku, semua kenyataan akhbar yang berkaitan dengan hal ehwal Majlis hendaklah dibuat oleh Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Datuk Bandar.
- Sebelum mengeluarkan sebarang kenyataan, Ahli Majlis terlebih dahulu hendaklah merujuk kepada Datuk Bandar untuk selaraskan kenyataan.



Beliau sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama yang diberi walaupun beliau adalah diantara Ahli Majlis senior yang telah berkhidmat selama 71/2 tahun.

**Tindakan : Makluman,
Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.**

7.7 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH Y.M PUAN RAJA FAIRUZ BIN RAJA MAZLAN

7.7.1 Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar, Ketua Jabatan dan semua warga kerja MBPJ di atas kerjasama yang diberikan sepanjang 2 tahun 4 bulan beliau sepanjang Ahli Majlis.

Ucapan terima kasih kepada Pejabat Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Petaling Jaya terutama di zon pemantauan beliau.

Beliau berharap agar kerjasama ini diteruskan demi memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Petaling Jaya.

Beliau mengakhiri ucapan dengan tiga (3) rangkap pantun.

Dari Kedah ke Pekan Sari
Beli suasana di Kota Tinggi
Selesai sudah tugas diberi
Di lain masa bersua lagi

Di atas dahan burung tempua
Melihat rusa tepi perigi
Salam perpisahan untuk semua
Hatiku rasa sedih sekali

Bunga seroja di atas para
Jatuh ditimpa buah berangan
Andai kata tersilap bicara
Kemaafan jua saya pohonkan

**Tindakan : Makluman,
Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.**



7.8 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK OON CHONG LIN

7.8.1 Beliau meminta maaf di atas tindakan `agresif` yang beliau buat selama menjadi Ahli Majlis MBPJ. Beliau memaklumkan bahawa segala tindakan beliau bukan dipengaruhi oleh unsur-unsur persendirian. Akan tetapi tindakan beliau adalah semata-mata untuk meningkatkan lagi mutu kerja warga kerja MBPJ.

Tindakan : Makluman.

7.9 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK SURIASE A/L GENGAH

7.9.1 Beliau mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan sepanjang 31/2 tahun beliau berkhidmat sebagai Ahli Majlis. Ucapan terima kasih kepada YBhg. Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar di atas tindakan segera di kawasan pemantauan beliau.

Tindakan : Makluman.

7.10 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK AZIZI BIN ARIFFIN

7.10.1 Beliau memaklumkan bahawa ini adalah pertama kali beliau berkhidmat dengan sektor Kerajaan sebagai Ahli Majlis. Beliau berharap agar warga kerja Majlis meningkatkan kerjasama untuk menjadikan MBPJ lima (5) bintang pada masa akan datang.

Beliau turut berharap agar perancangan sesuatu projek hendaklah dibuat sebaik mungkin bagi mengelak pertindihan kerja dengan jabatan lain.

Selain daripada itu beliau berharap agar MBPJ mengambil inisiatif untuk mewujudkan perjawatan tetap bagi kakitangan kontrak sedia ada di MBPJ.

Akhir sekali ucapan terima kasih di atas kerjasama semua warga kerja MBPJ sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Ahli Majlis.

**Tindakan : Makluman,
Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ,
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**



7.11 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL

- 7.11.1 Beliau mengucapkan terima kasih di atas pimpinan YBhg. Datuk Bandar yang lebih kepada telus dan amanah. Selain daripada itu menurut pandangan beliau, YBhg. Datuk Bandar sekarang mudah untuk berurusan dan akan menjawab semua sms yang diajukan kepada beliau. Terima kasih sekali lagi.
- 7.11.2 Beliau berharap agar segala perancangan yang telah dibuat hendaklah dilaksanakan. Selain daripada itu beliau berharap agar Majlis mengemukakan maklumbalas keatas aduan ataupun perancangan Majlis agar penduduk tahu apa yang sedang dan akan MBPJ buat. Kecekapan kontraktor dalam menjalankan tugas turut menaikkan imej Majlis di mata penduduk. Oleh yang demikian beliau berharap agar jabatan/bahagian memantau kerja-kerja kontraktor yang dilantik.
- 7.11.3 Akhir sekali beliau berharap agar menjelang tahun 2016 Majlis melangkah dengan lebih Berjaya dan cemerlang.

Tindakan : Makluman.

7.12 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK ANG MING ERN

- 7.12.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada Majlis di atas kerjasama yang diberikan sepanjang beliau berkhidmat sebagai Ahli Majlis. Beliau berharap agar tahun 2016 Majlis menggandakan usaha terbaik untuk meningkatkan perkhidmatan kepada Penduduk Petaling Jaya.

Tindakan : Makluman.

7.13 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK AHMAD AKHIR BIN PAWAN CHIK

- 7.13.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datuk Bandar dan menyokong perutusan YBhg. Datuk Bandar berkaitan dengan keceriaan bangunan di Petaling Jaya terutama di Menara MBPJ. Menurut beliau lagi adalah amat penting Bandar yang telah diisytiharkan sebagai Kota Seni oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor diceriakan termasuk persekitaran iaitu Taman Rusa, Ibu pejabat MBPJ dan Dewan Sivik, MBPJ. Selain daripada itu beliau berharap agar kemudahan dipersekitaran Kota Seni dinaik taraf bagi menaikkan imej Majlis sebagai Bandaraya.

7.13.2 Tidak lupa ucapan kepada YBhg. Datuk Bandar dan Timbalan Datuk Bandar yang memberikan kerjasama sepenuhnya kepada beliau sepanjang menjadi Ahli Majlis MBPJ. Harapan beliau agar kerjasama ini berterusan walaupun beliau tidak dilantik sebagai Ahli Majlis.

7.13.3 Akhir sekali beliau mengucapkan Selamat Menyambut Maulidur rasul dan Hari Natal kepada yang meraikannya.

Tindakan : Makluman.

7.14 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK TONY CHEONG SIEW THONG

7.14.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar dan warga kerja MBPJ serta Ahli Majlis yang memberikan kerjasama kepada beliau sepanjang beliau berkhidmat sebagai Ahli Majlis terutama kepada Ketua Jabatan Penguatkuasaan dan Sisa Pepejal. Harapan beliau agar kerjasama ini berterusan walaupun beliau tidak dilantik sebagai Ahli Majlis.

Tindakan : Makluman.

7.15 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK SUGUMARAN A/L R ANNAMALAI

7.15.1 Beliau mengucapkan selamat petang dan terima kasih kepada kepada YBhg. Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar dan warga kerja MBPJ serta Ahli Majlis yang memberikan kerjasama kepada beliau sepanjang beliau berkhidmat sebagai Ahli Majlis.

7.15.2 Akhir sekali beliau mengucapkan Selamat Menyambut Maulidur rasul dan Hari Natal kepada yang meraikannya dan tidak lupa ucapan Selamat Menyambut Tahun Baru.

Tindakan : Makluman.

7.16 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK SHATIRI BIN MANSOR

7.16.1 Beliau mengucapkan selamat petang dan terima kasih kepada kepada YBhg. Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar dan warga kerja MBPJ serta Ahli Majlis yang memberikan kerjasama kepada beliau sepanjang beliau berkhidmat sebagai Ahli Majlis.



7.16.2 Beliau berharap agar Majlis menceriaikan gerai-gerai Majlis agar ada tarikan. Mengikut pemerhatian beliau didapati gerai-gerai Majlis yang disewakan kepada penduduk tidak diselenggara dengan baik dan rosak. Selain daripada itu beliau mencadangkan agar `food truk' dibenarkan di kawasan Majlis..

7.16.3 Akhir sekali beliau mengucapkan Selamat Menyambut Maulidur rasul dan Hari Natal kepada yang meraikannya dan berharap agar Majlis bersedia kearah Petaling Jaya Lestari menjelang tahun 2030.

Tindakan : Makluman.

7.17 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK CHAN KIEN FATT

7.17.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar dan warga kerja MBPJ serta Ahli Majlis yang memberikan kerjasama dan menyelesaikan masalah penduduk di kawasan beliau.

Tindakan : Makluman.

7.18 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK CHONG FOOK MENG

7.18.1 Beliau mengucapkan salam sehati sejiwa dan tahniah kepada Majlis kerana menerima cabaran daripada Kerajaan Negeri untuk membina Kota Seni di Petaling Jaya. Pembinaan Kota Seni di kawasan Pusat Bandar Seksyen 52 telah berjaya direalisasikan dan berharap agar inisiatif ini akan berterusan.

7.18.2 Sambutan Ulangtahun Bandaraya ke 10

Mencapai 10 tahun bandaraya pada tahun 2016, beliau berharap agar Majlis menganjurkan PJ Fair peringkat antarabangsa dengan bertemakan Festival Tari selaras dengan tema Kerajaan Negeri. Perancangan awal amat penting bagi menjayakan program tersebut.

7.18.3 Keunikan masyarakat yang berbilang bangsa boleh diketengahkan agar dapat menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke Petaling Jaya. Majlis perlu membuat bazar-bazar berdasarkan perayaan seperti SS2 untuk perayaan Tahun Baru Cina, Kelana Jaya untuk baza Ramahan dan lain-lain perayaan yang perlu diketengahkan




7.18.4 Beliau turut memaklumkan semangat kerjasama warga kerja Majlis dengan Ahli Majlis MBPJ amat ketara dan beliau berharap agar hubungan yang baik ini dikekalkan demi kesejahteraan Petaling Jaya. Akhir sekali beliau mengucapkan Selamat Menyambut Maulidur rasul dan Hari Natal dan mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun

Masuk hutan pakai sepatu
Takut kena gigitan pacat
Kalau kita selalu bersatu
Apa kerja pun boleh buat

Tindakan : Makluman.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.45 tengahari. Tuan Pengerusi sekali lagi meminta maaf di atas kesilapan dan tindakan yang mungkin tidak disukai. Beliau sekali lagi mengucapkan Selamat Menyambut Maulidur Rasul dan Selamat Menyambut Hari Krismas dan Selamat Menyambut Tahun Baru 2016 dan selamat bercuti. Sempena kedatangan tahun baru 2016, beliau bertekad untuk merapatkan hubungan di antara Ahli Majlis dengan Pengarah, MBPJ. Seterusnya beliau mengakhiri ucapan dengan slogan 'Bersatu Kita Teguh Bercerai Kita Roboh'.


(JOHARY BIN ANUAR) AMS
Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 8 Januari 2015

LAMPIRAN KEHADIRAN

HADIR:

01. Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain, Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Johary bin Anuar, Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud, Ahli Majlis, MBPJ.
04. Encik Tony Cheong Siew Thong, Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Oon Chong Ling, Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Ang Ming Ern, Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Azizi bin Ariffin, Ahli Majlis, MBPJ.
08. Puan Sia Siew Chin, Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Tang Fuie Koh, Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Mahharul bin Ismail, Ahli Majlis, MBPJ.
11. Puan Cynthia Gabriel, Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Suriase a/l Gengiah, Ahli Majlis, MBPJ.
13. Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan, Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Halimey bin Abu Bakar, Ahli Majlis, MBPJ.



15. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Shatiri bin Mansor,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Chong Fook Meng,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Puan Wong Yuet Leng,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Encik Chan Kien Fatt,
Ahli Majlis, MBPJ.

TIDAK HADIR:

01. Tuan Ir. Lee Suet Sen, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.
02. Encik Jeyaseelen a/l T Anthony, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.
03. Encik Azri bin Mohamad Arish, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Ong Swee Long, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,
Wakil Timbalan Setiausaha,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Nik Nazli binti Nik Abdullah,
Wakil Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.



03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. Puan Aziziza Azdila binti Abdul Aziz,
Wakil Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,
Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Norzita binti Mokhtar,
Wakil Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Puan Haniza binti Abdul Hamid,
Pengarah,
Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
15. Cik Noor Najwa binti Said,
Wakil Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.
16. Encik Mohd Zulhairi bin Johar,
Wakil Pengarah, Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Puan Noor Ashikin binti Abd. Rahman,
Wakil Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.



18. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
19. Puan Saliza binti Mohd Masri,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

AHLI PARLIMEN/ADUN:

01. Encik Billy Wong,
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.
02. Puan Sarah Chong,
Wakil ADUN Damansara Utama.

URUSETIA:

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Puan Nurjah binti Nordin,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

